



# CIMB-Principal tingkat pulangan

Perkenal Dana Ekuiti CIMB-Principal Australia bertujuan capai kenaikan nilai modal

**SOFYAN RIZAL ISHAK**

CIMB-Principal Asset Management Berhad (CIMB-Principal) menjangkakan pulangan tahunan 10 peratus hingga 15 peratus bagi dana baru dikenali Dana Ekuiti CIMB Principal Australia.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Campbell Tupling berkata, dana itu dilancarkan bertujuan mencapai kenaikan nilai modal bagi tempoh jangka sederhana hingga panjang melalui pelaburan dalam portfolio Australia.

Menurutnya, pasaran Australia menawarkan peluang menarik sebagai satu-satunya ekonomi yang dapat mengelak kemelesetan teknikal pada 2009 dan mencatatkan hanya satu suku penguncupan dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

"Dana ini akan dimasukkan dalam Dana Ekuiti Schroder Australia, sebuah dana beroperasi di Australia yang akan berusaha mengalahkan S&P/ ASX 200 Indeks

Pengumpulan dalam tempoh jangka masa sederhana hingga panjang.

"Ia juga akan melabur sekurang-kurangnya 95 peratus nilai aset bersih (NAV) dalam Dana Ekuiti Schroder Australia, dan pelaburan berfokus dalam syarikat-syarikat yang mempunyai persaingan berkekalan dalam jangka panjang," katanya selepas majlis pelancaran dana itu di Kuala Lumpur, semalam.

Campbell berkata, maksimum lima peratus NAV juga akan dikekalkan dalam aset cair bagi dana itu.

Dana Ekuiti CIMB Principal Australia adalah dana ketiga dilancarkan syarikat tahun ini dengan saiz dana diluluskan sebanyak 600 juta unit berserta harga tawaran awal RM0.25 seunit. Pelaburan minimum permulaan adalah RM1,000.

Dana itu boleh didapati CIMB Bank, CIM Private Banking; CIMB Investment Bank, CIMB

Wealth Advisors (CWA), Citibank dan Standard Chatered Bank.

Sementara itu, CIMB-Principal optimis jumlah aset dalam pengurusan akan mencapai kira-kira RM30 bilion menjelang akhir tahun ini berbanding RM221.1 bilion tahun lalu.

Campbell berkata, keyakinan itu berdasarkan sentimen pasaran yang meningkat. Selain itu, ia turut dibantu permintaan daripada pelabur institusi dan runcit yang terus meningkat.



Ia juga akan melabur sekurang-kurangnya 95 peratus nilai aset bersih (NAV) dalam Dana Ekuiti Schroder Australia, dan pelaburan berfokus dalam syarikat-syarikat yang mempunyai persaingan berkekalan dalam jangka panjang."

- Campbell Tupling



● Dari kiri: Ketua Pegawai Pelaburan CIMB-Principal, Raymond Tang, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Munirah Khairuddin dan Campbell pada majlis pelancaran Dana Ekuiti CIMB-Principal Australia di Kuala Lumpur, semalam.